

# SHEIKH AL-AZHAR TERIMA IJAZAH KEHORMAT

**PENGHORMATAN.** Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) semalam mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Sheikh Al-Azhar Prof. Dr. Muhammad Sayyed Tantawi di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Anugerah disampaikan Tunku Ampuan Negeri Sembilan Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin, yang juga Canselor USIM merupakan satu penghormatan yang sangat tinggi artinya kepada USIM dan juga kepada Malaysia sebagai sebuah negara Islam sempena Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar yang ketiga.

Selain menjalinkan satu jalinan kerjasama dan persahabatan antara USIM dan Universiti Al-Azhar, penganugerahan itu juga satu penghargaan atas jasa Muhammad Sayyed Tantawi, 80, dalam perkembangan Islam, kedamaian insaniah dan keadilan sejagat.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar 2008 dengan dihadiri kira-kira 1,028 bekas graduan Al-Azhar dari 70 buah negara seluruh dunia.



**MUHAMMAD SAYYED TANTAWI** menerima ijazah Kehormat Doktor Falsafah daripada Tuanku Najihah di KLCC semalam.